

Lima bergelar Datuk genggam ijazah sarjana

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
utusanktr@gmail.com

■ **KUANTAN 22 NOV.**

LIMA yang bergelar Datuk serta seorang Datin menerima ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen UMP Kali Ke-11 yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang di sini baru-baru ini.

Mendahului penerima, Ahli Parlimen Lipis, Datuk Abdul Rahman Mohamad yang menerima Ijazah Sarjana Eksekutif Pengurusan Projek Integrasi Pembinaan di bawah UMP Advanced Education (UMP Advanced).

Tiga lagi penerima Ijazah Sarjana Eksekutif Pengurusan Projek Integrasi Pembinaan iaitu Setiausaha Agung Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Datuk Wira Jamaludin Abdul Rahim; Pengarah Eksekutif HTE Holdings Sdn. Bhd., Datuk Hang Tuah Din dan Ketua Pegawai Eksekutif Berjaya Juta Sdn. Bhd., Datuk Abdul Khalib Abdullah.

Dua lagi penerima ijazah yang sama, Pengarah Urusan Skybo Resources Sdn. Bhd., Datuk Syed Burhanuddin Syed Abdul Wahab dan isterinya, Datin Rohaizan Zainudin yang juga menerima Ijazah Sarjana Eksekutif Pengurusan Projek Integrasi Pembinaan.

Rohaizan, 38, berkata, beliau bersyukur apabila impiannya selama sepuluh tahun untuk memiliki ijazah sarjana itu tercapai, tambahan lagi menerimanya bersama suami tercinta.

"Sepuluh tahun lalu saya me-



ABDUL RAHMAN MOHAMAD (tiga dari kiri), Syed Burhanuddin Syed Abdul Wahab (dua dari kanan) dan isterinya, Rohaizan Zainudin bergambar bersama rakan setelah menerima Sarjana Eksekutif Pengurusan Projek Integrasi Pembinaan dalam Majlis Konvokesyen UMP Kali Ke-11 di Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

nyambung pelajaran di sebuah universiti, namun disebabkan keangan masa, saya mengambil keputusan menangguhkan pengajian. Tahun lalu, saya terpenggil untuk melanjutkan pengajian, justeru saya mengajak suami bersama-sama menyambung pelajaran di UMP.

"Saya tidak menyangka sa-

ya dan suami bersama-sama mengenggam segulung ijazah dan pencapaian ini suatu yang begitu mengembirakan buat kami sekeluarga," katanya di sini baru-baru ini.

Suami Rohaizan, Syed Burhanuddin, 42, berkata, beliau dan isteri mengulang kaji pelajaran bersama pada waktu malam me-

mandangkan siang hari mereka sibuk menguruskan syarikat dan persekolahan anak-anak.

"Formula kejayaan ini ialah sikap saling memahami, bertukar pendapat serta memberi dorongan yang membuatkan pengajian kami berdua berjalan lancar walaupun sudah berumah tangga dan berkerjaya," katanya.